

12/12/2003

Mengerat hubungan KL-Tokyo

BERIKUT adalah sedutan temu bual Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan wakil media Jepun di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya, Selasa lalu sempena kunjungannya ke negara itu bagi menghadiri Sidang Kemuncak Kenang-kenangan Asean-Jepun, bermula semalam.

SOALAN: Kerajaan Jepun menyambut baik pelantikan anda. Apakah pandangan anda mengenai Sidang Kemuncak Kenang-kenangan Asean-Jepun yang diadakan di Tokyo dan harapan anda kepada Jepun?

ABDULLAH: Saya rasa ini mesyuarat yang sangat penting. Persidangan antara negara Asean dengan Jepun. Ini adalah kali pertama kami bermesyuarat. Bagi saya, ini adalah peluang pertama saya berjumpa pemimpin Asean. Selepas dilantik sebagai Perdana Menteri, saya belum lagi bertemu dengan mereka. Ia juga peluang untuk saya bertemu dengan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi dan berbincang sebarang isu yang penting bagi Malaysia, Asean serta hubungan Asean-Jepun.

SOALAN: Bolehkah anda jelaskan lebih lanjut apakah yang akan anda bincangkan dengan Koizumi. Adakah mengenai Dasar Pandang Ke Timur?

ABDULLAH: Sudah tentu pertama sekali yang berkaitan hubungan Malaysia dengan Jepun kerana ini kali pertama saya bertemu dengannya. Sebagai Perdana Menteri Malaysia, saya mahu menjelaskan sekali lagi apa yang pernah saya nyatakan dulu iaitu saya mahu meneruskan hubungan baik sedia ada serta meningkatkan usaha memperkukuhkan dan memperluaskan kerjasama antara Jepun dengan Malaysia.

Kami ada dasar penting iaitu Dasar Pandang Ke Timur yang masih lagi dilaksanakan. Mungkin ramai rakyat Jepun tidak sedar dan tidak tahu. Saya mengetuai pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur sebaik saja Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri dan saya pula menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan kemudian Menteri Pendidikan selama tiga setengah tahun. Jadi saya tahu kenapa dasar itu dilaksanakan dan saya tahu ia membawa banyak kebaikan kepada Malaysia, kepada pelajar, pekerja muda, terutama yang pergi ke Jepun mengikuti program berkembar sama ada di premis syarikat atau universiti di Jepun.

Kami mahu meneruskan dasar itu kerana lebih banyak pekerja muda dan memberi peluang kepada syarikat Jepun yang beroperasi di Jepun dan Malaysia mengambil pekerja ini yang mendapat latihan di Jepun, memahami etika dan budaya kerja Jepun. Ini sudah tentu memberi kebaikan kepada Jepun dan juga Malaysia.

Sudah tentu perkara lain juga akan dibincangkan. Jepun adalah rakan dagang dan pelaburan penting kepada Malaysia. Selain itu, Jepun juga rakan penting kepada Asean.

SOALAN: Tidakkah Dasar Pandang Ke Timur sudah ketinggalan?

ABDULLAH: Tidak, saya tidak fikir ia sudah ketinggalan. Kita akan teruskan dan sudah tentu ada latihan tertentu yang kita perlukan pada masa depan.

SOALAN: Apakah pandangan anda mengenai peranan Jepun kepada Asean masih penting dengan kemunculan China dan India?

ABDULLAH: Jepun masih lagi penting dalam Asean dan rantau ini. China dan India juga penting di rantau ini. Saya rasa ia adalah baik. Kita mempunyai persamaan dalam cara menjalin hubungan sesama kita. Saya rasa hubungan dengan China dan India boleh diterima semua pihak. Saya rasa Jepun juga bersetuju mengenai perkara ini.

SOALAN: Adakah anda bimbang dengan kemunculan China atau India?

ABDULLAH: Kita tidak lihat kemunculan China sebagai kuasa ekonomi sebagai ancaman. Kita mahu melihatnya sebagai peluang kerana China boleh menyediakan pasaran yang baik. Sudah tentu kita perlu membangunkan produk yang sesuai untuk pasaran China. China sebenarnya peluang yang baik dan juga mencabar.

SOALAN: Apa yang anda harapkan daripada hubungan Asean dengan Jepun?

ABDULLAH: Saya rasa sudah tentu kita perlu meningkatkan persefahaman mengenai arah masa depan yang hendak kita tuju. Sudah tentu perlu ditekankan lagi mengenai kepentingan hubungan Jepun dengan Asean. Jepun sendiri terbabit dengan Asean+3 sejak dari awal lagi ketika saya menjadi Menteri Luar. Kita bekerja keras dan kita gembira ketika itu kerana Jepun setuju bekerjasama dalam rangka kerja Asean+3 dan menjadi anggotanya.

SOALAN: Bagaimana anda melihat Asean+3 sebagai satu masyarakat Asia Timur?

ABDULLAH: Saya rasa ia boleh berjaya jika kita boleh terus bekerjasama antara Asean dan sudah tentu dengan Jepun, China dan Korea. Ia akan berlaku kerana kita kini semakin rapat dan erat serta persefahaman dalam pelbagai bidang serta mengakui faedah bersama dari segi politik atau ekonomi.

SOALAN: Bagaimana hubungan Jepun dengan Malaysia memberi kesan dari segi pelaburan asing terus (FDA) di Malaysia dan Asean?

ABDULLAH: Sangat baik, tidak ada masalah. Hubungan dua hala antara Malaysia dengan Jepun sentiasa diteruskan. Hubungan dua hala dalam kegiatan begitu aktif dan membabitkan penyertaan menggalakkan pada peringkat kerajaan kedua-dua negara. Dan tidak kurang penting ialah hubungan antara ketua sektor swasta serta rakyat dengan rakyat seperti pelajar, pelancong.

SOALAN: Apakah perancangan dan langkah yang perlu dilakukan?

ABDULLAH: Saya rasa buat masa sekarang kita sudah mengorak langkah mengatur persediaan yang menarik atau mewujudkan kerjasama kerana beberapa syarikat Jepun yang besar sudah pun menjalin usaha sama tertentu dengan syarikat Malaysia bagi membuat kereta iaitu memasang kereta Jepun di Malaysia, yang secara langsung mewujudkan kerjasama di bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Saya percaya ini amat bermanfaat di masa depan. Dalam erti kata lain, apa yang hendak saya katakan ialah mereka terbabit dalam industri automotif, baik di Malaysia atau Jepun, sudah pun memulakan kerjasama dan kini mempertingkatkan kerjasama itu.

SOALAN: Mengenai isu Myanmar, apa pandangan anda terhadap keadaan terkini di negara itu dan apa perasaan anda mengenai proses demokrasi yang dipersetujui kerajaan Myanmar.

ABDULLAH: Kita ingin melihat sedikit perkembangan, kemajuan ke arah pendemokrasian di Myanmar tetapi kita juga faham bahawa ada banyak kesukaran yang perlu di atasi dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa bersatu (PBB) memainkan peranan penting menerusi wakilnya, Tan Sri Razali Ismail dan juga ada negara lain di rantau ini yang cuba berhubung dan berunding dengan Myanmar.

Saya rasa penting untuk berunding dengan Myanmar. Saya percaya mereka perlu berbincang tetapi dalam pada itu, Asean kekal dengan dasar tidak mencampuri urusan dalaman negara anggotanya. Namun, pada masa yang sama saya percaya amat penting bagi Myanmar menyedari aspirasi Asean sebagai satu daripada negara anggotanya.

SOALAN: Bagaimana hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat?

ABDULLAH: Kita mempunyai hubungan baik dengan Amerika Syarikat dan sudah tentu kita juga ada berbeza pendapat, umpamanya dalam isu Iraq, perang di Iraq selain isu Palestin. Kita juga mempunyai pendapat sendiri dalam isu lain yang mungkin berbeza dengan Amerika tetapi kerjasama kami di bidang

lain seperti ekonomi, perdagangan yang kini sedang berterusan dan Amerika kekal sebagai pelabur nombor satu di Malaysia. Syarikat milik Amerika amat besar dan banyak kegiatan mereka di sini. Pelajar kami yang belajar di Amerika agak tinggi jumlahnya. Dengan mengambil kira hakikat ini, hubungan dengan Amerika masih kekal kukuh tetapi sudah tentu ada perbezaan pendapat, terutama dalam isu politik.

SOALAN: Bagaimana hubungan dengan Australia?

ABDULLAH: Australia juga hampir sama. Kita tidak berbeza pendapat dalam hubungan ekonomi, isu pendidikan atau sebarang program dua hala tetapi sebaliknya sudah tentu kita ada percanggahan dalam cara berpolitik dan isu politik, namun ini tidak memutuskan hubungan antara Malaysia dan Australia.

SOALAN: Sekarang kerajaan Jepun merancang menghantar pasukan tenteranya ke Iraq. Adakah anda bersetuju dengan tindakan itu dan adakah anda fikir kerajaan Jepun wajar berbuat demikian?

ABDULLAH: Kedudukan di Iraq pada masa sekarang tidak boleh dijangka kerana suasana masih tegang dan ada bantahan kuat terhadap Presiden Amerika di kalangan penduduknya. Semua masalah ini dan serangan terhadap kedudukan tentera Amerika masih berterusan dan ada pihak berfikiran rumusan perlu dicari bagi membawa perubahan nyata di Iraq dalam erti kata lain, sesuatu yang membolehkan pemilihan kerajaan untuk mengambil alih pemerintahan.

Iraq masih mempunyai banyak kekhuatiran terhadap Amerika dan apa yang menyedihkan ialah peperangan sudah dimenangi. tetapi keamanan belum diperoleh walaupun mereka bekerja keras ke arah itu. Mengenai keputusan Jepun, jika mereka hendak menghantar pasukan tentera, itu keputusan Jepun, keputusan peribadi Jepun.

SOALAN: Kuasa PBB nampaknya terhad untuk melaksanakan tugas di Iraq. Asas utama dasar luar Jepun ialah menggalakkan pembabitian PBB. Soalnya bagaimana Jepun boleh membantu rakyat Iraq?

ABDULLAH: Kita sentiasa berpandangan apa saja Amerika lakukan di Iraq ia adalah tindakan bersendirian, tidak ada kebenaran Majlis Keselamatan PBB. Ini adalah faktor penting untuk diingati. Malaysia menetapkan pendirian bahawa dasar peperangan itu tidak mendapat restu PBB.

Bagaimanapun, saya dapat tahu ada negara yang menyokong tindakan Amerika kerana berminat mahu menyertai sebarang pembangunan selepas peperangan di Iraq. Jepun hendak melakukannya dengan menghantar pasukan pertahanannya. Cuma satu saja kita harapkan iaitu Amerika, Jepun dan sekutunya di Iraq boleh mencapai sesuatu untuk manfaat penduduk Iraq tetapi kita tahu ia adalah sesuatu yang sukar. Saya sentiasa berpendapat jika PBB hadir sama, keadaan mungkin berbeza kerana PBB dilihat sebagai lebih saksama dalam keadaan seumpama itu.

SOALAN: Dengan program ini, adakah wajar kerajaan Jepun bertindak menerusi Amerika. Sebagai Perdana Menteri sebuah negara Asia Tenggara, adakah anda mempunyai sebarang idea mengenai cara yang wajar dipilih Jepun?

ABDULLAH: Saya tidak mahu memberitahu Jepun apa yang perlu dilakukan. Saya rasa Jepun berada dalam kedudukan terbaik bagi memutuskan apa yang terbaik bagi negara itu dan bagi rakyat Iraq. Terpulang kepada penilaian Jepun sendiri.

Bagi kami (Malaysia), kita percaya adalah penting untuk mengkaji semula sokongan kepada PBB kerana kita percaya kepada tindakan pelbagai pihak, kita tidak percaya pada tindakan sepihak. Ini menjadi dasar kerajaan Malaysia. Ini bukan soal memilih menyokong Amerika dan menolak PBB atau sebaliknya. Pilihannya ialah sama ada memihak kepada PBB yang multilateral atau Amerika yang unilateral. Kita perlu membuat pilihan.

SOALAN: Apakah ada sebarang dasar baru yang anda akan perkenalkan

sebagai Perdana Menteri yang baru?

ABDULLAH: Ini bukan kerajaan baru. Ia adalah kerajaan yang sama. Kerajaan Malaysia yang berkuasa pada hari ini bukan kerajaan baru. Yang berlaku hanya perubahan kepimpinan.

Di Malaysia, kami mengamalkan apa yang disebut sebagai tanggungjawab bersama. Banyak dasar dibuat sewaktu saya menjadi anggota Kabinet sejak sekian lama. Sewaktu menjadi menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Jadi, untuk sekian lama, saya memikul tanggungjawab bersama bagi sebarang dasar yang dibuat dan dilaksanakan.

Dalam proses peralihan itu, jika ada sebarang dasar yang perlukan perubahan, maka kita perlu buat perubahan. Kita harus dinamik, tiada ada apa yang terpahat sehingga tidak dapat diubah. Jika keadaan perlukan perubahan dan jika saya tidak membuat perubahan, maka orang akan berkata dia ini mungkin bodoh. Sebaliknya, jika perubahan tidak perlu, tetapi saya nak buat perubahan kerana saya mahu lakukannya untuk mendapat nama, orang juga akan berkata itupun bodoh. Kenapa dia lakukan semua ini semata-mata untuk dapatkan nama.

Jadi, apa yang perlu saya lakukan ialah memikirkan apa yang terbaik untuk negara, untuk maruah negara, bukan untuk saya. Saya adalah hamba nombor satu yang berkhidmat untuk negara ini bagi memastikan semuanya dilaksanakan dengan baik dan cekap supaya dengan itu ia akan memberi manfaat kepada rakyat dan negara ini. Oleh itu, pada masa sama kita perlu sentiasa sedar dengan perubahan yang perlu dilakukan. Jika kerajaan tidak boleh memberi tindak balas kepada perkara ini, kerajaan tidak akan dapat bertahan. Rakyat akan menjatuhkannya.

Ini adalah prinsip penting mana-mana pemimpin. Walaupun Dr Mahathir berjaya sebagai Perdana Menteri, ada banyak dasar lama yang dilaksanakannya. Misalnya, Dasar Ekonomi Baru (DEB), beliau melaksanakannya sehingga akhir 1991. Selepas itu beliau memperkenalkan Wawasan 2020, bukan sebelum berakhirnya DEB yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri kedua dan diteruskan Perdana Menteri ketiga dan diteruskan pula Dr Mahathir selama 10 tahun.